

06/08/2003

Malaysia sedia jadi pintu masuk produk Russia

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia bersedia menjadi pintu masuk bagi produk Russia ke rantau ini dalam usaha menseimbangkan perdagangan di antara kedua-dua negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perdagangan kedua-dua negara kini terhad dengan Malaysia membeli keluli, pesawat dan produk lain yang berkaitan.

Sebaliknya, kata beliau hanya beberapa produk Malaysia yang memasuki Russia, meskipun negara mempunyai pelbagai jenis produk yang dieksport ke seluruh dunia.

"Jadi kami amat berminat untuk menjadi pintu masuk bagi produk Russia di rantau ini. Apabila wujudimbangan perdagangan di antara dua negara, maka kita akan mencapai perdagangan yang lebih seimbang," katanya dalam sesi soal jawab pada Forum Perniagaan Malaysia-Russia di Hotel Shangri-La, di sini semalam.

Wakil peniaga Russia bertanya apakah yang boleh dilakukan peniaga kedua-dua negara untuk mencapai perdagangan dua hala yang lebih seimbang.

Presiden Russia, Vladimir Putin yang tiba di sini kelmarin untuk lawatan rasmi dua hari, turut berucap dan menjawab dua soalan pada majlis itu yang dihadiri 500 pemimpin korporat kedua-dua negara.

Forum itu adalah kesinambungan daripada forum serupa diadakan di Moscow tahun lalu. Ia bertujuan mengukuhkan hubungan perniagaan dan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Russia.

Forum itu diadakan serentak dengan pelancaran penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Russia sempena lawatan Putin ke negara ini.

Terdahulu, Dr Mahathir mengunjungi Putin di hotel yang sama. Putin berlepas pulang ke Russia menerusi Uzbekistan, lewat malam tadi.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, perdagangan membabitkan Malaysia dan Russia bukan semata-mata berkisar kepada jual beli barangan, malah turut membabitkan pemindahan teknologi.

"Kita percaya Russia mempunyai banyak pengetahuan dalam bidang teknologi dan saintifik yang ingin Malaysia peroleh. Dalam aspek lain, sudah tentu perdagangan harus lebih seimbang.

"Itu sebab penting untuk kita tahu apa yang boleh dieksport dan apa barangan untuk eksport. Buat masa ini, barangan yang kita dagangkan amat terhad," katanya.

Malah katanya, Malaysia pernah mengeksport kereta ke Russia tetapi malangnya perjanjian itu ditamatkan atas beberapa sebab.

Secara berseloroh, beliau berkata: "Kami rasa orang Russia tidak menggunakan banyak kereta sebagaimana sepatutnya."

Dengan menjangkakan potensi yang tinggi dalam jualan kenderaan di Russia, Dr Mahathir mencadangkan agar didirikan sebuah tempat pemasangan usaha sama kenderaan di negara berkenaan.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, antara halangan untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan antara dua negara ialah kurangnya maklumat mengenai negara masing-masing.

"Saya percaya pada masa ini, kita masih tidak tahu sangat antara satu sama lain. Keduanya kita tidak tahu apa yang boleh kita beli dari Russia dan ini mungkin menyebabkan banyak produk kita sampai ke Russia menerusi pihak ketiga.

"Jadi maklumat adalah faktor paling penting buat masa ini dan ini termasuk sudah tentu kunjungan oleh peniaga kami ke Russia dan peniaga Russia ke Malaysia.

"Lawatan seumpama itu akan membina hubungan bagi membolehkan kita memahami kerjasama dan sistem di negara masing-masing supaya lebih mudah untuk kita menjalankan urusan perniagaan.

"Sudah tentu perniagaan juga akan merapatkan hubungan di antara rakyat dan kita ingin melihat lebih banyak pelancong Russia datang ke sini dan lebih banyak pelancong Malaysia pergi ke Russia. Dengan cara itu, perniagaan akan berkembang," katanya.